1. Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran NNS pada tahun 1826.




Apakah **X**?

- A Residen Jeneral
- B Gabenor Jeneral
- C Pesuruhjaya Tinggi
- D Pesuruhjaya Negeri

2. Rajah berikut berkaitan dengan struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat pada tahun 1826.




Siapakah **Q**?

- A Gabenor Negeri-negeri Selat
- B Leftenan Gabenor
- C Leftenan Jeneral
- D Residen Jeneral

3. Tindakan berikut telah dilakukan oleh Siam.

Menakluki **X** pada tahun 1786.

**X** ialah __________.

- A Perlis
- B Kedah
- C Patani
- D Burma

4. Pertikaian dalam dialog berikut berkaitan dengan pendudukan Singapura pada tahun 1819.

**Belanda** : Singapura adalah hak milik Kerajaan Johor di bawah pemerintahan Sultan Abdul Rahman.

**British** : Temenggung Abdul Rahman telah mengiktiraf pendudukan kami di Singapura.

Apakah punca yang menyebabkan pertikaian kedua-dua kuasa tersebut?

- A Menyebarkan fahaman politik
- B Melindungi kepentingan ekonomi
- C Menguasai kawasan perlombongan
- D Mendapatkan sokongan rakyat tempatan

LIVEWORKSHEETS

5. Rajah berikut menerangkan peranan Pulau Pinang yang dianggap dapat memenuhi k[illegible]uan Syarikat Hindia Timur Inggeris.

**Pulau Pinang** →
- Pusat pengumpulan barang
- Pelabuhan persinggahan
- **X**

Apakah **X**?

- **A** Kesuburan tanah
- **B** Pangkalan tentera
- **C** Penduduk yang ramai
- **D** Kekayaan bahan mentah

---

6. Maklumat berikut menerangkan situasi British pada abad ke-18.

British kehilangan Amerika sebagai tanah jajahan

Apakah usaha British seterusnya?

I Menduduki Australia
II Mengisytiharkan perang
III Mencari petempatan di Asia Pasifik
IV Mengukuhkan laluan perdagangan ke China

- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

---

7. Wilayah-wilayah berikut adalah sebahagian daripada empayar Kesultanan Johor Riau.

- Johor
- Singapura
- **X**
- **Y**

Apakah wilayah **X** dan **Y** tersebut?

I Pahang
II Melaka
III Selangor
IV Kepulauan Riau Lingga

- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

LIVEWORKSHEETS

**8.** Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa perpindahan pusat pentadbiran Negeri-ne[illegible]elat.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1867 | British memindahkan pentadbiran Negeri-negeri Selat (NNS) dari India ke London. |

Mengapakah British berbuat demikian?

I Penggunaan mata wang dolar Sepanyol
II Mengawal kedatangan imigran Cina ke NNS
III SHTI di India tidak mengambil berat tentang kebajikan NNS
IV Bantahan daripada penduduk tempatan bahawa NNS dijadikan tempat buangan banduan

- ◯ **A** I dan II
- ◯ **B** I dan IV
- ◯ **C** II dan III
- ◯ **D** III dan IV

**9.** Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan di London.




Apakah **X**?

- ◯ **A** Majlis Pembesar
- ◯ **B** Majlis Penasihat
- ◯ **C** Majlis Raja-Raja
- ◯ **D** Majlis Eksekutif

**10.** Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu?

I Pengekalan konsep kerajaan persekutuan
II Alam Melayu terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh Barat
III Perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau
IV Kepentingan Barat diambil alih oleh Parti Perikatan

- ◯ **A** I dan II
- ◯ **B** I dan IV
- ◯ **C** II dan III
- ◯ **D** III dan IV

**11.** Sistem Kapitan diperkenalkan oleh pentadbiran British di Alam Melayu.
Sistem tersebut dilaksanakan di ___________.

- ◯ **A** Johor
- ◯ **B** Melaka
- ◯ **C** Singapura
- ◯ **D** Pulau Pinang

LIVEWORKSHEETS

**12.** Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Belanda.

Menurunkan tokoh **X** daripada takhta kerajaan Riau Lingga.

**X** ialah ____________.

- **A** Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah I
- **B** Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah II
- **C** Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah III
- **D** Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah IV

**13.** Apakah keistimewaan Pulau Pinang sehingga British meluaskan kuasa pada awal abad ke-18?

I Pangkalan tentera laut
II Pentadbiran yang aman
III Pengeluar bijih timah dunia
IV Pusat pengumpulan barang

- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**14.** Rajah berikut berkaitan dengan struktur pentadbiran Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826.




**X** melaksanakan arahan dari...

- **A** Goa.
- **B** London.
- **C** Calcutta.
- **D** Singapura.

**15.** Maklumat berikut menggambarkan berlakunya perebutan antara dua kuasa Barat di Singapura.

Belanda mempertikaikan pendudukan British di Singapura dan mendakwa Singapura di bawah lingkungan pengaruhnya. British enggan menyerahkan Singapura kepada Belanda.

Bagaimanakah masalah tersebut dapat diatasi?

- **A** Perjanjian London
- **B** Perjanjian Burney
- **C** Perjanjian Belanda-Singapura
- **D** Persetiaan Persahabatan Inggeris-Belanda

LIVEWORKSHEETS

**16.** Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran NNS pada tahun 1826.




Apakah **X**?

- **A** Residen Jeneral
- **B** Gabenor Jeneral
- **C** Pesuruhjaya Tinggi
- **D** Pesuruhjaya Negeri

**17.** Mengapakah Raffles membuat cadangan berikut?

Raffles mencadangkan kepada SHTI supaya mendirikan pangkalan baru di Singapura.

- **A** Meluaskan tanah jajahan
- **B** Mengukuhkan pertahanan
- **C** Menyekat pengaruh Belanda
- **D** Melemahkan pengaruh Bugis

**18.** Rajah berikut menunjukkan kepentingan Pulau Pinang kepada British.




Mengapakah British memerlukan pangkalan tentera tersebut?

- **A** Menyekat kemaraan kuasa Barat
- **B** Meluaskan kuasa di Kepulauan Melayu
- **C** Mempertahankan petempatannya di India
- **D** Melindungi perdagangan antarabangsanya di Timur

**19.** Tindakan berikut telah dilakukan oleh Kesultanan Pahang.

Cuba membebaskan Pahang daripada Kesultanan Johor Riau.

Tindakan tersebut telah dilakukan oleh ___________.

- **A** Bendahara Tun Ali
- **B** Bendahara Tun Hussein
- **C** Sultan Mahmud Muzaffar Shah I
- **D** Sultan Mahmud Muzaffar Shah IV

LIVEWORKSHEETS

**20.** Pernyataan berikut menerangkan perkembangan di Negeri-Negeri Selat pada pertengahan abad ke 19.

- Kekacauan kongsi gelap
- Pengenalan Akta Mata Wang 1855
- Tempat buangan banduan

Apakah kesan perkembangan tersebut terhadap Negeri-Negeri Selat?

- **A** Pewujudan jawatan Gabenor Jeneral
- **B** Pemindahan pentadbiran ke London
- **C** Penghijrahan penduduk ke negeri Melayu yang lain
- **D** Pengenalan sistem perundangan Barat

LIVEWORKSHEETS